



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO PROGRAM PENARAFAN MASJID NEGERI KELANTAN

A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan mencipta logo Program Penarafan Masjid Negeri Kelantan.
2. Tempoh pertandingan adalah bermula dari 09 Februari 2025 hingga 23 Februari 2025.

B. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini **TERBUKA** kepada semua rakyat Malaysia KECUALI warga kerja MAIK.
2. Penyertaan adalah **PERCUMA**.
3. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.
4. Semua ciptaan mestilah baharu, asli dan tidak diciplak daripada mana-mana logo tempatan atau luar negara.
5. Reka bentuk logo tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti dan sentimen perkauman, keagamaan dan politik.
6. Kos untuk menyertai pertandingan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
7. Penyertaan akan **terbatal** sekiranya didapati hasil ciptaan yang dikemukakan **tidak asli atau diciplak**.
8. Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan membatalkan penyertaan.
9. Peserta perlu menghantar ciptaan logo tersebut ke Google Form yang disediakan oleh urus setia.

C. SPESIFIKASI CIPTAAN LOGO

1. Reka bentuk logo hendaklah menggunakan grafik komputer dengan perisian Adobe Illustrator atau Adobe Photoshop, saiz 1080 x 1080 Pixel, mod warna RGB, dalam resolusi tinggi (300 dpi/ppi)
2. Reka bentuk logo hendaklah dihantar dalam dua (2) format berikut:
 - 3.1 Softcopy format Adobe Illustrator (AI / EPS) atau Adobe Photoshop (PSD)
 - 3.2 Softcopy format JPEG / PNG
3. Warna yang digunakan hendaklah bersesuaian dan boleh menggunakan *solid fill* atau *gradient*.
4. Reka bentuk logo hendaklah mempunyai **elemen penilaian penarafan bintang masjid, digital dan kontemporari**.
5. Reka bentuk logo boleh terdiri daripada simbol atau imej dan perkataan **“Program Penarafan Masjid Negeri Kelantan”**.
6. Logo hendaklah disertakan keterangan ke atas reka bentuk logo, simbol serta warna yang digunakan.
7. Peserta perlu *create outline* pada font yang digunakan dan perlu mengisi jenis font yang digunakan pada borang penyertaan.

D. TUNTUTAN HAK CIPTA

1. MAIK berhak sepenuhnya ke atas rekaan logo yang dihasilkan dan berhak menggunakan logo penyertaan untuk tujuan promosi dan lain-lain tujuan.
2. MAIK juga berhak untuk membuat sebarang pindaan atau pengubahsuaian ke atas reka bentuk (*artwork*) dan sebarang tuntutan tidak akan dilayan.

E. TEMPOH PERTANDINGAN

1. Pertandingan bermula 09 Februari 2025.
2. Tarikh tutup pertandingan adalah pada 23 Februari 2025 **(11.59 malam)**.

3. Peserta dikehendaki menghantar rekaan logo dan borang penyertaan yang lengkap melalui pautan yang telah disediakan.
4. Pihak pengajur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan lewat dari tarikh tutup.

F. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

1. Setiap rekaan akan dinilai keaslian, elemen yang digunakan, konsep dan kreativiti serta kualiti rekaan oleh panel juri yang dilantik oleh pihak pengajur.
2. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.
3. Pemenang akan dihubungi melalui telefon dan emel. Pengumuman nama pemenang akan dipaparkan melalui Facebook dan Instagram Rasmi MAIK.

G. HADIAH PERTANDINGAN

1. Hanya seorang (1) pemenang akan dipilih. Hadiah pertandingan adalah dalam bentuk wang tunai :

Hadiah Utama : **RM 1,000**

Saguhati : **RM 150 (5 peserta), RM 50 (5 peserta), Pendrive**

2. Sijil penyertaan kepada semua peserta

Nota : Hadiah kepada pemenang akan diserahkan melalui akaun bank yang dinyatakan secara EFT.

Pertanyaan / Keterangan Lanjut,

Unit Teknologi Maklumat

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

No Tel : 09-7481512 ext 224

Emel : maik@e-maik.my

LAMPIRAN A

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
PROGRAM PENARAFAN MASJID NEGERI KELANTAN**

Nama Penuh Peserta : _____

No. Kad Pengenalan : _____
(Bagi penyediaan sijil)

Alamat : _____

No. Telefon : _____

Emel : _____

No. Akaun Bank : _____

Keterangan ke atas reka bentuk logo, simbol, warna serta jenis font yang digunakan (Tidak melebihi 50 patah perkataan)

Perakuan : _____

Dengan ini, saya mengesahkan bahawa reka bentuk logo bagi penyertaan ini adalah hasil reka bentuk asal saya. Saya juga bersetuju dengan syarat-syarat pertandingan ini.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Borang penyertaan dan artwork logo bagi pertandingan mencipta logo Program Penarafan Masjid Negeri Kelantan pada pautan di bawah atau imbas pada QR Code

<https://forms.gle/zvNCQbC7bjKpTCU56>

